

# PERSEPSI PEMBELAJARAN DEWASA MELALUI TEKNOLOGI BLOG WEB 2.0

(*PERCEPTION OF ADULT LEARNING THROUGH TECHNOLOGY OF BLOG WEB 2.0*)

Mohammed Huzaimi Alias (Pengarang Penghubung)

Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
huzaimiealias@gmail.com

Rosseni Din

STEM Enculturation Centre, Faculty of Education,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA  
rosseni@ukm.edu.my

## ABSTRAK

Revolusi pengetahuan telah menyumbang kepada kewujudan pelbagai medium pembelajaran yang memudahkan peralihan pengetahuan bagi memenuhi keperluan kerjaya. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengukur persepsi golongan dewasa terhadap pembelajaran melalui teknologi Web 2.0, iaitu blog. Kajian ini penting bagi industri pekerjaan melalui keberkesanan medium latihan pekerja terhadap peningkatan prestasi setiap pekerja. Di dalam kajian ini reka bentuk kajian kuantitatif digunakan melalui pengumpulan data dari instrumen soal selidik yang diadaptasi. Sampel kajian melibatkan 43 pegawai, guru, guru yang sedang belajar dan kakitangan yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, bertumpu di daerah Kinta, Perak. Data kajian dianalisis secara deskriptif melalui penggunaan perisian SPSS versi 23. Dapatkan kajian menunjukkan, persepsi yang tinggi diperoleh dalam kalangan golongan dewasa terhadap pembelajaran melalui teknologi blog Web 2.0 berdasarkan peratus kesediaan golongan tersebut serta kelebihan teknologi itu sendiri. Kajian ini memberikan maklumat berkaitan dengan ukuran persepsi golongan dewasa terhadap penggunaan teknologi blog Web 2.0 dalam memenuhi keperluan pembelajaran dewasa. Keseluruhan kajian yang dijalankan, memberikan gambaran kesediaan golongan dewasa menggunakan pelantar blog sebagai medium latihan kerjaya individu dalam sesuatu organisasi.

**Kata Kunci:** Gaya pembelajaran dewasa; Blog pembelajaran; Andragogi; Teknologi Web 2.0

## ABSTRACT

The revolution of knowledge has contributed to the existence of various learning mediums that facilitate the shift of knowledge to meet career needs. Therefore, the aim of this study is identify adult learners' perceptions about learning through blog Web 2.0 technology. This study is important for the job industry through the effectiveness of the employee-training medium on improving the performance of each employee. This study uses quantitative approach. Data collection was completed using adapted questionnaire instrument. The respondents of the study are 43 officers, teachers on study leave and staff who served under the Ministry of Education Malaysia within the district of Kinta, Perak. SPSS version 23 software was use for data analysis. Findings showed adult learners highly agreed learning through Web 2.0 blog technology. This is in reference to data showing high percentage of readiness of the group and advantages of the technology itself. This study provides information relating to adult perception towards the use of blog web 2.0 technology in meeting the needs of adult learning. The entire study, giving an overview of adults' readiness to use the blog platform as a medium of individual career training in an organization.

**Keywords:** Adult learning style; learning blog; Andragogi; Web 2.0 technology

## PENGENALAN

Pemilihan medium pembelajaran yang menepati strategi pembelajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran dewasa menjadi pendorong dalam peningkatan kerjaya individu. Strategi pembelajaran yang sesuai penting untuk mencapai pembelajaran bermakna dalam pendidikan dewasa yang memerlukan strategi pembelajaran yang diperibadikan (Din, 2015; Din, 2016). Peruntukan penambahan pengetahuan yang digunakan oleh organisasi dapat dimanipulasi sebaik mungkin, bagi mencapai matlamat organisasi (Shaharuddin & Abiddin,

To cite this document:

Alias, M. H. & Din, R. (2020). Persepsi pembelajaran dewasa melalui teknologi blog web 2.0. *Journal of Personalized Learning*, 3(1): 47-54.

2016). Sekiranya proses pemindahan pengetahuan itu berlaku secara berterusan maka organisasi akan memperoleh kesan positif dari usaha pemindahan pengetahuan tersebut. Pelbagai medium dan pendekatan boleh digunakan untuk menyampaikan pengetahuan. Namun di sebalik perkembangan teknologi, adakah teknologi diaplikasikan dengan sebaik mungkin? Pendekatan andragogi antaranya digunakan secara meluas dalam sistem-sistem penyampaian organisasi terhadap pekerja, perkhidmatan, sumbangan kepada masyarakat, pendidikan luar sekolah, pengurusan kakitangan, organisasi-organisasi, dan program-program seumpamanya. Pada masa ini di sektor kerajaan sendiri menggunakan teknologi dalam talian iaitu Web 2.0 dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat dan warganya.

Pendedahan dari Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) mendedahkan media sosial yang terdiri daripada blog, Facebook, Youtube dan Twitter menjadi pilihan bagi sektor kerajaan untuk membina komunikasi dengan masyarakat bagi menyalurkan maklumat terkini dengan lebih berkesan dan cepat (MAMPU, 2015). Ini turut disokong oleh indeks belia Malaysia 2015 yang dikeluarkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang menunjukkan indeks skor bagi domain penggunaan media sosial bagi belia adalah tinggi iaitu 73.59. Trenda ini seiring dengan langkah Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengeluarkan laporan PPPM 2013-2025 anjakan ke tujuh, yang bermatlamat untuk memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia (KPM, 2013). Oleh itu, apabila berlaku proses pemindahan pengetahuan, teknologi Web 2.0 memberi manfaat dalam meningkatkan keupayaan membina rangkaian sosial dan kolaboratif. Keupayaan ini menyokong keperluan latihan bagi mengatasi kekangan masa dan kos individu dewasa yang mempunyai komitmen tinggi terhadap tugas hakiki (Zakaria, 2013). Kepentingan organisasi dalam merancang pemindahan latihan yang efektif, boleh memberi motivasi kepada individu dalam menyumbang peningkatan kemahiran dalam kerjayanya. Secara tidak langsung pemindahan ilmu dalam latihan yang efektif, memberi kelebihan kepada organisasi meningkatkan produktiviti ke tahap yang lebih tinggi. Penentuan dalam melaksanakan latihan organiasasi, menjamin pemindahan pengetahuan yang positif kepada keseluruhan warga organisasi (Shaharuddin & Abiddin, 2016).

Arus perkembangan teknologi semasa memberikan impak yang luar biasa kepada penggunaan laman web. Beralih daripada laman web statik, kini laman web lebih ke arah mesra pengguna. Web 2.0 membolehkan pengguna mereka bentuk pengajaran yang kondusif di samping menjadi sumber pengajaran yang boleh dicapai pada bila-bila masa serta berkeupayaan melaksanakan perbincangan secara dalam talian (Zarei & Hussin, 2014). Penggunaan teknologi ini membolehkan pengurusan masa dan beban kerja tidak menjadi penghalang kepada program-program peningkatan pengetahuan. Situasi ini perlu diaplikasikan terhadap pelajar dewasa. Mereka memerlukan sesuatu yang berbeza berbanding bukan pelajar dewasa. Kaedah pembelajaran yang sesuai dalam mengajar pelajar dewasa lazimnya melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza dari segi psikologi kognitif, efektif dan psikomotor. Hal ini menjadikan pelajar dewasa adalah unik dalam menerima pengajaran (Rahman, Awee & Rajab, 2012). Menurut Krishnaiyer, Mushahar & Ahmad (2012), blog yang dinyatakan sebagai e-jurnal, menyokong pembelajaran kendiri, interaksi sosial, keyakinan diri dan dialog secara reflektif antara pelajar, guru dan ramai orang lain. Seterusnya ia dapat meningkatkan kadar refleksi pelajar dalam setiap penulisan dan pembacaan mereka serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat.

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji persepsi golongan dewasa terhadap pembelajaran melalui teknologi blog Web 2.0, sebagai rangkaian sosial dan pendidikan yang wujud pada masa kini. Justeru, kajian ini dijalankan bagi menjawab tiga objektif kajian iaitu; i) mengenal pasti tahap kesediaan golongan dewasa dalam melaksanakan pembelajaran dewasa melalui blog Web 2.0?; ii) mengenal pasti penerimaan pembelajaran melalui penggunaan blog Web 2.0 yang menyokong gaya pembelajaran dewasa; dan iii) mengenal pasti kelebihan teknologi blog Web 2.0 yang digunakan membantu pembelajaran dewasa. Dalam pada itu, kajian ini merupakan kajian yang mengandungi beberapa peringkat bagi membentuk kaedah kajian dan digunakan untuk memenuhi persoalan kajian. Empat peringkat utama terlibat dalam kajian ini, iaitu kajian kepustakaan, pengumpulan data, analisis dan perbincangan.

Di dalam bahagian ini, kupasan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dewasa dan teknologi Web 2.0 dianalisis dan disintesiskan. Sumber-sumber kajian-kajian ini dijadikan asas dalam membina struktur kajian ini. Corak perubahan yang berubah mengikut perkembangan kematangan seseorang, menjadikan individu membentuk konsep kendiri dan belajar daripada pengalaman. Golongan dewasa banyak dicorakkan oleh budaya dan kehidupan di dalam masyarakat setempat (Shaharuddin & Abiddin, 2016). Ini membantu mereka membina perubahan orientasi pembelajaran dari berpusatkan subjek kepada berpusatkan penyelesaian masalah. Pembelajaran dewasa memerlukan kebebasan dalam menentukan pengajaran dan pembelajaran mereka (Rahman, et al., 2012). Ini bagi memudahkan mereka belajar sesuatu perkara dengan baik. Pembelajaran berpusatkan pelajar merupakan salah satu kaedah yang mengelakkan kongkongan kepada pelajar dewasa. Kebebasan yang dimiliki mereka adalah akibat dari kelebihan pengalaman yang mereka

peroleh berbanding pelajar dewasa. Penghargaan kepada setiap pendapat, perasaan, perspektif dan nilai mereka sendiri memberikan peningkatan kepada tahap keyakinan golongan dewasa dalam mereka bentuk pembelajaran kendiri. Selain itu, pewujudan ruang perbincangan sesama pelajar dewasa dan sentiasa berinteraksi dengan tenaga pengajar dapat memberikan impak yang besar terhadap prestasi pelajar dewasa (Hamidah et al., 2012). Kajian Whitbourne & Whitbourne (2014), menunjukkan peningkatan umur bagi seseorang individu dewasa, menyebabkan keyakinan terhadap keupayaan memori mereka berkurangan. Oleh itu Individu dewasa ini lebih cenderung untuk berkolaborasi bersama beberapa orang dewasa bagi menyelesaikan sesuatu perkara. Menurut Whitbourne (2014) lagi, individu dewasa berkesesuaian untuk melaksanakan kaedah praktikal bagi aktiviti pembelajaran yang melibatkan amali. Gaya pembelajaran dewasa menggunakan kaedah pembelajaran berpusatkan pelajar yang memerlukan guru sebagai fasilitator. Fasilitator ini memberi bimbingan bagi meningkatkan motivasi dalam mencapai matlamat pengajaran. Kaedah tunjuk cara dan praktikal merupakan satu kaedah yang sangat sesuai dalam meningkatkan kefahaman pelajar dewasa dalam menyelesaikan masalah (Rahman et al. 2012; Whitbourne S.K. & Whitbourne S.B., 2014; Rhohmad & Evi, 2014; Shaharuddin & Abiddin, 2016).

Web 2.0 adalah laman web yang menghubungkan ramai orang yang berinteraksi dalam web melalui kandungan seperti teks, grafik, dan lain-lain di web. Kandungannya mudah dikongsi bersama tanpa memerlukan kemahiran pengaturcaraan (Shaharuddin & Abiddin, 2016; Rahman et al., 2012; Whitbourne & Whitbourne, 2014). Contoh Web 2.0 yang seringkali digunakan adalah seperti laman rangkaian sosial, Youtube, Wiki, laman perkongsian video, blog, Friendster, Myspace, Flickr, aplikasi web, Mashup, Folksonomies, Eduweb TV dan sebagainya (Sofarina, 2010; Carol et al., 2013). Menurut Carol et al., (2013), Web 2.0 adalah web yang mempunyai ciri-ciri seperti CSS (*Cascading Style Sheets*), aplikasi *Rich Internet* atau berdasarkan Ajax, Markup XHTML, sindikasi dan agregasi data menggunakan RSS/Atom, URL yang sah, *Folksonomies*, aplikasi wiki pada sebahagian atau seluruh tapak web dan *XML Web-Service API*. Ciri-ciri ini memberi manfaat kepada pengguna melayari laman, membaca, melihat, menulis komen atau pandangan, mengemas kini kandungan serta memuat turun gambar. Selain itu, pengguna boleh berkolaborasi bersama rakan lain dengan melihat, memberi komen dalam paparan rakan mereka dan membala komen.

Blog merupakan satu aplikasi Web 2.0. Web adalah ringkasan dari perkataan weblog (Kerawalla et al., 2009). Permulaan pertama kali blog adalah di akhir era 1990-an. Weblog terbentuk daripada dua kata iaitu web dan log. Weblog adalah jurnal atau berita berkala yang dikemas kini secara bersambung oleh penulis blog/blogger dan ia disiarkan pada umum. Blog secara umum menjadi wakil keperibadian penulis laman web itu sendiri. Istilah weblog pertama kali diperkenalkan oleh Jorn Barger pada bulan Desember 1997. Istilah weblog digunakan oleh Jon Barger untuk menyatakan laman web peribadi yang sentiasa dikemaskini secara berkala dan mengandungi pautan-pautan ke laman web lain yang dianggap menarik dan kebiasaannya disertai dengan komen-komen mereka sendiri.

Terdapat lima prinsip gaya pembelajaran dewasa (Shaharuddin & Abiddin, 2016; Rahman et al., 2012; Whitbourne & Whitbourne, 2014) iaitu (i) persekitaran latihan yang memerlukan kolaborasi antara peserta, (ii) penyampaian aktiviti latihan yang menekankan konsep kendiri, (iii) penyelesaian masalah secara nyata atau autentik, (iv) pengutamaan pembelajaran berpusatkan pelajar dan (v) pencapaian melalui penghargaan. Kelima-lima aspek gaya pembelajaran dewasa ini perlu ada dalam kerangka penggunaan blog Web 2.0 bagi membentuk medium pembelajaran dewasa yang berkesan terhadap individu dewasa yang bekerja. Kebanyakan organisasi agak sukar mengeluarkan kos yang besar untuk memberikan pendedahan kepada pekerja baharu melalui latihan industri akibat peningkatan kos dan tenaga pengajar (Hamat & Nordin, 2015).

Di era masa kini, keberhasilan menjadi aras penentu kepada setiap program atau latihan yang dilaksanakan. Keberhasilan yang menjadi keutamaan sekarang iaitu ekonomi berpaksikan pengetahuan yang menyumbang kepada pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidangnya. Pada realitinya, tidak dapat dinafikan keseluruhan masyarakat telah memiliki peranti yang menyokong penggunaan Web 2.0. Pernyataan ini diasaskan daripada kajian terhadap pelajar di Malaysia oleh Zakaria (2013) yang menjelaskan, kebanyakan graduan Malaysia mampu memiliki peranti mudah alih seperti komputer riba, telefon pintar dan alatan yang boleh bersambungan dengan rangkaian internet bagi menghubungkan mereka dengan Web 2.0. Hal ini memberi gambaran bahawa kebanyakan masyarakat samada secara langsung atau tidak langsung telah menggunakan teknologi Web 2.0 dalam kehidupan sehari-hari mereka. Perkembangan pesat teknologi komunikasi dan teknologi peranti mudah alih membuka lembaran baru kepada bidang pendidikan dan latihan. Perkembangan ini, mencipta satu dimensi baru berasaskan teknologi Web 2.0 yang dapat mengaitkan ilmu pengetahuan dan dunia sosial. Kos dapat dikurangkan dan kolaboratif sesama pelajar terhadap ilmu tidak lagi bertumpu hanya di dalam kelas fizikal semata, tetapi mencakupi seluruh dunia amnya (Zakaria, 2013).

Komunikasi *asynchronous* merupakan komunikasi yang berlaku pada masa yang berbeza namun mampu menyediakan ruang perbincangan dan pemerolehan maklumat ilmu pengetahuan tanpa batasan masa. Amat bersesuaian dengan keadaan suasana kesibukan kerja, individu bekerja masih mempunyai kebebasan dalam mengawal interaksi yang berlaku mengikut kehendak dan keperluan masing-masing melalui blog. Komunikasi melalui teknologi ini memberi peluang individu berkomunikasi dengan bahan mereka, berinteraksi dengan individu lain secara lebih mudah, senang dan selesa (Othman, 2014). Berbanding Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) yang digunakan oleh institusi-institusi besar. Pengurusan blog sesuai dipraktikkan dari segi kos kerana lebih rendah atau percuma, namun masih memberikan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran (Zarei & Hussin, 2014). Walaubagaimanapun, tidak semua penggunaan blog sebagai wadah pembelajaran diterima keseluruhannya. Ini bergantung kepada keupayaan blog itu sendiri yang bergantung kepada beberapa faktor untuk menarik pengguna. Hsu & Lin (2008) menyatakan beberapa faktor yang membolehkan penerimaan blog sebagai sumber maklumat iaitu, mudah digunakan, reka bentuk menarik, dan reputasi pembangun blog sendiri yang dapat memberikan nilai tambah keperluan kepada penggunanya.

## METODOLOGI

Kajian ini melibatkan 43 orang responden. Mereka terdiri daripada guru, pegawai, kakitangan di bawah tanggung jawab Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Kementerian Pendidikan Malaysia. Data kajian juga dikumpulkan melalui kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dewasa. Selain itu, pengumpulan data juga dibuat dari instrumen soal selidik yang menggunakan pelantar dalam talian Google Forms. Pautan soal selidik di berikan kepada responden guru, guru yang sedang menyambung pelajaran, kakitangan dan pegawai di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui beberapa kumpulan aplikasi WhatsApp dan Telegram. Kesemua soal selidik yang dikumpul dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS 23.0 (*Statistical Package for Social Science*). Statistik deskriptif yang digunakan ialah kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Interpretasi Skor bagi tahap rendah, sederhana dan tinggi ditentukan berdasarkan penulisan Pallant (2007) iaitu, skor 0.00-1.66 berada di tahap rendah, skor antara 1.67 – 3.33 berada pada tahap sederhana manakala skor antara 3.33 hingga 5.00 berada pada tahap tinggi. Beberapa fasa bagi membentuk kaedah kajian telah digunakan untuk memenuhi objektif kajian.

Jadual 1. Ringkasan Metodologi Penyelidikan yang diperuntukkan dari objektif penyelidikan

OK	Fasa Kajian	Tindakan
Mengenal pasti isu gaya pembelajaran dewasa	Kajian kepustakaan dan data soal selidik	Mengkaji dan menganalisis kajian-kajian lain yang sedia ada dan mengenal pasti isu-isu yang berkaitan gaya pembelajaran dewasa dan aplikasinya di dalam blog web 2.0.
Kesediaan berkaitan teknologi Web 2.0	Pengumpulan data soal selidik	Merancang dan menjalankan teknik pengumpulan data kuantitatif untuk mengumpul maklumat yang menggambarkan ketidakcukupan responden terhadap teknologi web 2.0 yang popular bagi tujuan pembelajaran dewasa.
Penerimaan penggunaan Web 2.0	Pengumpulan data soal selidik	Merumuskan penerimaan golongan dewasa terhadap penggunaan blog Web 2.0 berdasarkan gaya pembelajaran dewasa.
Kelebihan penggunaan blog Web 2.0	Pengumpulan data soal selidik	Mengenal pasti kelebihan yang dialami oleh golongan dewasa terhadap penggunaan blog Web 2.0 berdasarkan gaya pembelajaran dewasa.

Instrumen soal selidik yang digunakan adalah instrumen yang diadaptasi dari instrumen kajian Hsu dan Lin (2008) yang mirip dengan kajian ini. Terdapat empat bahagian iaitu (i) demografi; (ii) kesediaan terhadap pembelajaran melalui blog web 2.0; (iii) penerimaan terhadap pembelajaran melalui blog web 2.0; dan iv) kelebihan pembelajaran dewasa melalui blog web 2.0. Tiga item dikemukakan bagi skala pengukuran bahagian dua dan tiga manakala empat item dikemukakan untuk skala pengukuran bahagian empat. Bagi bahagian demografi tiga kategori yang dikemukakan iaitu jantina, status perkhidmatan dan tempoh berkhidmat.

## DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian dapatan, kajian menjurus kepada beberapa hasil dapatan yang dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 2. Hasil dapatan terbahagi kepada (i) demografi, (ii) kesediaan pengguna terhadap blog, (iii) penerimaan pengguna terhadap penggunaan blog sebagai pelantar pembelajaran dan (iv) kelebihan blog web 2.0. Jadual 2 memaparkan hasil analisis item-item soal selidik berdasarkan tiga konstruk iaitu K1 kesediaan responden terhadap penggunaan blog web 2.0, K2 penerimaan responden dan K3 kelebihan blog web 2.0.

Jadual 2. Item-item berdasarkan konstruk

	Min	Sisihan Piawai (SP)
K1S1 Carian maklumat melalui internet	4.42	0.794
K1S2 Web 2.0 memudahkan	4.28	0.854
K1S3 Kemudahan tempat kerja	4.19	0.932
K2S1 Mengembangkan pengetahuan kerjaya	4.20	0.842
K2S2 Pemahaman berpusatkan pelajar	4.24	0.743
K2S3 Ruang masa belajar sendiri	4.36	0.679
K3S1 Fleksibel tempat	4.47	0.547
K3S2 Kolaborasi menyelesaikan masalah sebenar	4.29	0.661
K3S3 Interaksi pelbagai hala	4.42	0.621
K3S4 Mudah mendapatkan bahan	4.44	0.586

Seramai 43 responden telah memberikan maklum balas terhadap soal selidik yang diberikan. Dari jumlah itu responden yang terlibat memberikan maklum balas berkenaan jantina, status perkhidmatan yang melibatkan pegawai, guru, kakitangan dan pelajar sambung belajar. Selain itu, responden juga digambarkan dengan tempoh pengalaman mereka dalam perkhidmatan. Keputusan dapatan demografi dipaparkan seperti pada Jadual 3.

Jadual 3. Demografi responden

Item	Kategori	Frekuensi (n)	Peratus
Jantina	Lelaki	24	56.8
	Perempuan	19	43.2
Status	Pensyarah / Guru	14	31.8
	Kakitangan / Pegawai (KPM, JPN, PPD, SEKOLAH)	21	50.0
Perkhidmatan	Pelajar Sarjana Muda	0	0
	Pelajar Sarjana	6	11.4
	Pelajar PHD	0	0
	Selain di atas	2	6.8
	Setahun	0	0
	2 tahun	2	4.7
Tempoh	3 tahun	5	11.6
	4 tahun	2	4.7
	Lebih 5	34	79.1

Hasil dapatan utama dari pengumpulan data instrumen soal selidik adalah bersandarkan kepada tiga konstruk yang menyumbang kepada jawapan objektif kajian pertama (PK1), kedua (PK2) dan ketiga (PK3). Hasil dapatan yang ditunjukkan dalam Jadual 4 menunjukkan keputusan bagi objektif pertama iaitu peratusan keseluruhan item-item dalam konstruk kesediaan responden terhadap blog Web 2.0. Item-itemnya adalah sumber carian maklumat, bebanan penggunaan dan kemudahan teknologi tempat kerja. Analisis menunjukkan kesediaan golongan dewasa terhadap penggunaan blog Web 2.0 adalah pada kadar tinggi (38, 88.4%).

Jadual 4. Kesediaan golongan dewasa terhadap web blog 2.0.

Tahap Penerimaan	Frekuensi (n)	Peratus
Sederhana	5	11.60
Tinggi	38	88.40
Jumlah	43	100.0

Hasil dapatan bagi objektif kedua pula ditunjukkan di dalam Jadual 5. Keputusan skor-skor item-item dalam konstruk penerimaan responden terhadap penggunaan blog Web 2.0 keseluruhannya adalah pada kadar tinggi (39, 90.7%). Konstruk penerimaan terhadap penggunaan blog Web 2.0 mempunyai tiga item yang didasarkan kepada persetujuan responden terhadap blog Web 2.0, iaitu meningkatkan motivasi untuk melaksanakan pembelajaran, mempercepatkan pemahaman dan menyokong pembelajaran kendiri.

Jadual 5. Penerimaan penggunaan blog sebagai medium pembelajaran oleh golongan dewasa

Tahap Penerimaan	Frekuensi (n)	Peratus
Sederhana	4	9.3
Tinggi	39	90.7
Jumlah	43	100.0

Objektif ketiga dalam kajian ini dianalisis melalui skor keseluruhan item-item dalam konstruk penggunaan blog Web 2.0 memberi kelebihan kepada golongan dewasa adalah pada kadar tinggi (42, 97.7%). Terdapat empat item yang perlu dijawab oleh responden dengan mata lima merupakan mata tertinggi. Item-item tersebut adalah fleksibel tempat, masa, menyokong kolaborasi dan interaktif. Jadual 6 memaparkan hasil analisis keseluruhan konstruk tiga iaitu, kelebihan pembelajaran dewasa melalui blog Web 2.0.

Jadual 6 : Kelebihan pembelajaran dewasa melalui blog Web 2.0

	Frekuensi (n)	Peratus
Sederhana	1	2.3
Tinggi	42	97.7
Jumlah	43	100.0

## PERBINCANGAN

Hasil kajian ini adalah pengukuran persepsi golongan dewasa terhadap pembelajaran melalui teknologi blog web 2.0. Penggunaan blog web 2.0 adalah untuk mencari alternatif lain dalam pelaksanaan latihan dan kursus kerjaya yang dapat menjimatkan kos dan memberi impak penerimaan pembelajaran yang berterusan. Keseluruhannya teknologi blog web 2.0 boleh dijadikan medium latihan atau kursus kerjaya kepada golongan dewasa. Dapatkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dewasa menjelaskan bahawa penerimaan latihan yang diberikan kepada golongan dewasa adalah berfokus kepada lima gaya iaitu i) persekitaran latihan yang memerlukan kolaborasi antara peserta, ii) penyampaian aktiviti latihan yang menekankan konsep kendiri, iii) penyelesaian masalah secara nyata, iv) mengutamakan pembelajaran berpusatkan pelajar dan v) pencapaian melalui penghargaan. Jika kelima-lima aspek gaya pembelajaran dewasa ini diserapkan, matlamat latihan akan mudah dicapai dengan pelbagai medium pengajaran (Shaharuddin & Abiddin, 2016; Rahman et al., 2012; Whitbourne & Whitbourne, 2014).

Di dalam hasil dapatan item kedua dalam konstruk ketiga, responden bersetuju blog Web 2.0 memberi mereka ruang untuk berkolaborasi dengan pengguna-pengguna lain menyelesaikan masalah ( $M=4.29$ ,  $SP=0.661$ ). Selain itu responden juga bersetuju dengan kewujudan konsep kendiri dalam pembelajaran melalui blog web 2.0. Ini dapat dilihat dari hasil dapatan item ketiga di dalam konstruk kedua kajian iaitu item kebolehupayaan mempelajari sesuatu perkara melalui blog, dengan paparan nilai min yang tinggi ( $M=4.36$ ,  $SP=0.679$ ). Ciri-ciri dan keupayaan fungsi yang terdapat pada blog Web 2.0 menjadikan individu dewasa tertarik untuk belajar sesuatu pengetahuan baru melaluinya.

Selain daripada bahan pengajaran utama, turut diselitkan tip-tip, artikel dan modul-modul yang berkaitan dengan aktiviti harian di dalam kandungan blog web sebagai panduan. Keupayaan interaksi pelbagai hala

menjadikan blog web 2.0 menjadi lebih interaktif dan dapat menerapkan penyelesaian masalah secara kolaborasi (Zakaria, 2013; Hamidah et al. 2012). Ini dipersetujui oleh peserta kajian ini dengan perolehan nilai min yang tinggi pada item kedua konstruk ketiga iaitu kolaborasi dalam menyelesaikan masalah sebenar ( $M=4.49$ ,  $SP=0.661$ ). Di samping jurulatih atau pengajar sebagai fasilitator membantu dan menghargai setiap hasil usaha yang dilakukan oleh pelajar mereka melalui fungsi komen pelbagai hala yang dibuktikan melalui item ketiga di dalam konstruk ketiga iaitu interaksi pelbagai hala ( $M=4.44$ ,  $SP=0.586$ ). Fungsi kemas kini *post* menjadikan blog web menjadi medium rujukan berterusan bagi peserta kursus yang terlibat disamping memberi ruang kepada mereka untuk meneroka sendiri pembelajaran latihan melalui blog web 2.0 dalam meningkatkan pemahaman. Item kedua di dalam konstruk kedua menunjukkan min yang tinggi kepada pemahaman berdasarkan pembelajaran berpusat ( $M=4.24$ ,  $SP=0.743$ ). Kelima-lima aspek ini membolehkan urusan pemindahan latihan dari jurulatih kepada peserta kursus yang terlibat dilakukan dengan berkesan melalui medium blog web 2.0.

Melalui instrumen soal selidik yang berkaitan dengan penggunaan teknologi blog Web 2.0 dalam kalangan golongan dewasa, beberapa dapatan telah diperoleh. Pertama, hasil kajian ini menjelaskan golongan dewasa telah banyak didedahkan dengan kadar yang tinggi terhadap teknologi Web 2.0 melalui rangkaian internet. Ini disokong oleh hasil dapatan yang menunjukkan hampir tiada bebanan responden menggunakan Web 2.0 seperti blog dan laman web. Tiada peratusan kesediaan tahap rendah yang diperoleh dari tahap skor keseluruhan kesediaan responden. Di samping itu persekitaran tempat kerja dan tempat belajar responden telah tersedia menyokong kepada penggunaan teknologi Web 2.0. Oleh itu objektif pertama memberikan gambaran positif terhadap kesediaan golongan dewasa yang terlibat dengan kajian ini menggunakan Web 2.0 sebagai medium pembelajaran.

Kedua, adalah dapatan berdasarkan kepada objektif kedua iaitu, penerimaan golongan dewasa dalam melaksanakan latihan atau kursus menggunakan medium blog web 2.0. Peratusan yang tinggi direkodkan bagi konstruk penerimaan responden dalam kajian ini iaitu 39 daripada 43 responden (90.7%). Peratusan ini menunjukkan hampir keseluruhan responden bersetuju menggunakan medium blog web 2.0 berdasarkan kepada kemudahannya mendapatkan bahan, pembelajaran lebih mudah dan cepat difahami dan motivasi pembelajaran meningkat. Ini menunjukkan teknologi blog Web 2.0 telah diterima untuk menjadi medium perlaksanaan kursus latihan kerjaya yang memenuhi konsep kendiri dan menerapkan penyelesaian masalah secara nyata.

Menerusi dapatan ketiga pula, menunjukkan kecenderungan tinggi responden bersetuju dengan kelebihan-kelebihan yang terdapat pada pembelajaran melalui teknologi blog web 2.0 iaitu dengan kadar 93% iaitu 40 dari 43 responden yang terlibat. Kelebihan-kelebihan blog web 2.0 yang dinyatakan adalah seperti mudah mendapatkan bahan pembelajaran, berkeupayaan kolaborasi menyelesaikan masalah dan memudahkan interaksi dalam memberi pandangan, komen dan refleksi kendiri. Oleh itu jawapan kepada objektif ketiga terjawab dengan menunjukkan majoriti responden bersetuju blog web 2.0 adalah medium latihan dan kursus yang praktikal dilaksanakan berdasarkan kelebihan-kelebihan fungsi-fungsi kesesuaian dengan gaya pembelajaran dewasa.

Namun, terdapat juga kelemahan dalam melaksanakan kaedah pembelajaran berdasarkan blog Web 2.0. Ini diperoleh dari jawapan soalan terbuka soal selidik responden. Tidak semua subjek atau latihan dapat dilaksanakan menggunakan blog Web 2.0. Pembelajaran adalah mengikut bidang-bidang tertentu. Bidang yang memerlukan latihan amali terperinci dan boleh memberikan kesan perubahan yang besar, latihan penggunaan blog Web 2.0 tidak sesuai digunakan. Contohnya latihan yang melibatkan penggunaan makmal sains. Selain itu kelajuan internet juga memainkan peranan yang penting dalam melancarkan pembelajaran blog. Internet adalah asas utama. Jika keupayaan internet rendah, maka agak sukar untuk melaksanakan pembelajaran atau latihan melalui blog Web 2.0. Namun kebanyakan kawasan di negara ini mempunyai kemudahan internet, kecuali di kawasan jauh di pendalaman.

Batasan kajian ini adalah dari aspek kutipan data yang terdiri dari responden yang berkhidmat di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini adalah berdasarkan kekangan dari segi kewangan dan masa yang terhad. Responden diberikan soalan-soalan yang ringkas dan jawapan dianalisis secara deskriptif sahaja. Kebanyakan responden yang terlibat adalah individu yang terlibat dengan pentadbiran yang memerlukan masa pendek untuk melengkapkan soal selidik kajian ini. Kajian ini amat bersesuaian dengan keadaan semasa sekarang ini yang sedang menjurus ke arah revolusi industri 4.0. Di dalam era revolusi industri ini, tenaga kerja semakin dikurangkan dengan penggantian kepada teknologi robot yang semakin berkembang maju. Namun begitu, kos yang tinggi masih membenggu kebanyakan institusi dan organisasi dari terus menyumbangkan latihan kemahiran pekerja.

Seiring dengan dunia yang semakin luas, teknologi yang ada dipergunakan dengan sebaik mungkin dalam meningkatkan prestasi kerjaya. Oleh itu dicadangkan kajian lanjutan adalah berkaitan potensi dan impak teknologi-teknologi terkini yang boleh menambah nilai teknologi blog web 2.0 sedia ada.

## KESIMPULAN

Pemilihan sesuatu medium pembelajaran kepada individu pekerja adalah bergantung kepada pengorganisasian sesuatu pembelajaran yang boleh memenuhi gaya pembelajaran pekerja itu sendiri. Jika dilihat, salah satu gaya pembelajaran yang boleh meningkatkan penglibatan individu dewasa adalah melalui gaya pembelajaran dewasa. Hasil dapatan keseluruhan kajian ini memberikan gambaran kesesuaian penggunaan teknologi blog web 2.0 terhadap bidang latihan dan kursus kerjaya. Latihan dan kursus yang dapat memberikan input berterusan berpotensi menjadi rujukan kepada semua peserta latihan yang terlibat tanpa berlaku keciciran pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan. Penggunaan blog web 2.0 merupakan salah satu medium yang sesuai digunakan terhadap golongan dewasa berdasarkan penerapan beberapa ciri-ciri gaya pembelajaran dewasa yang dikenal pasti.

## PENGHARGAAN

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah kursus Penulisan Akademik 2, terutamanya Dr. Mohammed Yusoff Mohd Noor yang banyak memberi panduan dan bimbingan dalam menghasilkan penulisan artikel ini mengikut teknik Kotzer (2007).

## Rujukan

- Bunyau, C., Tijan, T., Nyirim, J., & Gapor, R.A. (2013). Retrieved from <http://pjktekno.blogspot.my/2013/01/apakah-itu-web-20.html>.
- Din, R. (2015). Foreword from the Chief Editor: The Inaugural Issue of JPL. *Journal of Personalized Learning*, 1(1), i-iii.
- Din, R. (2016). Notes from the Chief Editor: On Designing Personalized Learning. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), i-iii.
- Hamat, M. F., & Nordin, M. K. N. C. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review On The Importance Of Human Capital Development In Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun Bil*, 7(1), 75-89.
- Hsu, C. L., & Lin, J. C. C. (2008). Acceptance of blog usage: The roles of technology acceptance, social influence and knowledge sharing motivation. *Information & management*, 45(1), 65-74.
- IYRES. (2015). Indeks Belia Malaysia 2015: Mengukur Kesejahteraan Hidup Belia Malaysia 2015. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Putrajaya.
- Kerawalla, L., Minocha, S., Kirkup, G., & Conole, G. (2009). Supporting student blogging in higher education. *Handbook of Research on Social Software and Developing Community Ontologies*, 222-237.
- KPM. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Krishnaiyer, S. S., Mushahar, R. H. R., & Ahmad, N. A. (2012). Using blogs as a tool to facilitate students reflection. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(3), 939-960.
- MAMPU. (2015). Penerapan Etika Penggunaan Media Sosial Dalam Sektor Awam.
- Othman, A. (2014). Pembangunan Blog Sebagai Medium Interaksi Maya Untuk Guru-Guru Fizik (Doctoral Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Pallant, J. (2007). SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using SPSS version 15. Nova Iorque: McGraw Hill.
- Rahman, H. A., Awee, A., & Rajab, A. (2012). Gaya Pengajaran Pembelajaran Pelajar Dewasa Program SPACE Universiti Teknologi Malaysia. *Sains Humanika*, 58(1).
- Rhohmad, N. & Yohana Evi, Y. (2014). Model Pembelajaran Orang Dewasa (Andragogi). Universitas Sebelas Maret Surakarta.
- Shaharuddin, B., & Abiddin, N. Z. (2016). Tinjauan Faktor-faktor Pendorong dan Penghalang Pemindahan Latihan: Konteks Malaysia. *SOSIOHUMANIKA*, 2(1).
- Sofarina. (2010). Apa itu Web 2.0? contoh pelaksanaan web 2.0, teknologi sokongan. Retrieved from <https://smartwebku.wordpress.com/2010/11/23/apa-itu-web-2-0-contoh-penerapan-web-2-0-teknologi-pendukungnya/>.
- Zakaria, M. H. (2013). E-learning 2.0 experiences within higher education: theorising students' and teachers' experiences in Web 2.0 learning. (Thesis). Queensland University of Technology. Retrieved from <https://eprints.qut.edu.au/61958/>.
- Zarei, N., & Hussin, S. (2014). Impact of learning management blog on students' language learning and acquisition. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 14(3), 51-63.